

11 APR 1997

EKSPO TONJOL PENCAPAIAN EKONOMI BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra dari 16 hingga 27 April ini akan menonjolkan 11 sektor bagi memperingati kestabilan politik, pembangunan sosial dan pertumbuhan ekonomi negara dalam tempoh 50 tahun.

Sektor-sektor ini termasuklah perladangan, perkapalan dan maritim, petroleum, lapangan terbang, penerbangan, pembangunan lebuh raya dan pembangunan tenaga, pendidikan, telekomunikasi, kewangan, tanah dan hartanah, serta automotif dan pengangkutan darat.

Ekspo yang dianjurkan oleh Wanita UMNO Malaysia ini, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, demikian menurut satu kenyataan penganjur hari ini.

Ekspo ini memberi peluang yang baik kepada pelabur, usahawan, pelawat asing, pelajar dan orang awam untuk memahami dan mengalami gambaran multimedia tentang pertumbuhan ekonomi melalui sumbangan bahan-bahan sumber, bahan-bahan pameran dan derma daripada lebih 100 syarikat senarai awam dan sendirian berhad milik Bumiputera di Malaysia.

Ekspo ini akan dibuka kepada orang ramai mulai 17 April dari pukul 12 tengah hari hingga 8.00 malam pada hari Isnin hingga Jumaat, dan dari pukul 11 pagi hingga 8 malam pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum. -- BERNAMA

DAB KY/sia